

# Kadar pengambilan banjir insurans Motor meningkat

**Kuala Lumpur:** Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) mendapati kadar pengambilan banjir insurans Motor (Komprehensif) meningkat lebih daripada dua kali ganda pada separuh pertama 2022 (1H2022) kepada 12 peratus berbanding 5.0 peratus untuk tahun penuh 2021.

PIAM dalam kenyataan berkata, liputan banjir adalah lebih berpatutan daripada yang sering difikirkan pengguna.

“Berdasarkan perbandingan tiga jenis kenderaan, premium tambahan untuk lanjutan perlindungan banjir berkisar antara 8 sen hingga RM1.74 sehari.

“Pengguna dinasihatkan untuk menyemak polisi mereka dan liputan yang ditawarkan dengan penyedia insurans bagi mendapatkan maklumat yang di-

perlukan kerana perlindungan, terma dan syarat mungkin berbeza antara satu syarikat insurans dengan yang lain,” katanya.

Katanya, selain perlindungan kenderaan, polisi berkaitan bencana banjir untuk kediaman turut merekodkan peningkatan.

“  
**Premium  
tambahan lanjutan  
perlindungan banjir  
antara 8 sen hingga  
RM1.74 sehari  
PIAM**

“Kadar pengambilan insurans Kebakaran (Kerosakan

Harta) banjir juga meningkat sedikit kepada 31 peratus

pada 1H2022 berbanding tahun penuh 2021 pada 30 peratus.

“Kadar perlindungan lanjutan banjir di bawah dasar tarif standard untuk risiko di bawah RM10 juta ialah 0.086 peratus - jumlah mampu milik berdasarkan jumlah perlindungan yang disediakan disebabkan kerugian akibat banjir,” katanya.